

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO'HAJI ABDUL RAHMAN BIN  
HAJI MOHAMAD  
[LIPIS]**

**NO. SOALAN : 74**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan status terkini Projek Agropolitan  
di Kampung Petola, dalam *Rolling Plan Ke-2*.

**JAWAPAN:**

Tan Sri Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan Projek Agropolitan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sedang dinilai semula dari aspek impak dan keberkesanan dalam pelaksanaannya. Kajian keberkesanan ini juga telah dimaklumkan kepada Unit Perancang Ekonomi selaku agensi pusat yang menyelaraskan permohonan projek-projek baharu dan sambungan.

Kementerian sedang meneliti cadangan pelaksanaan konsep baharu yang mengambil kira aspek-aspek nilai tambah aktiviti ekonomi sedia ada disamping menambahbaik komponen petempatan termasuk penyusunan semula kampung-kampung sedia ada bagi mewujudkan suasana yang lebih lestari dan kondusif serta memberi impak yang lebih besar kepada masyarakat di luar bandar.

Sehubungan itu, permohonan baharu Agropolitan termasuk di Kampung Petola, Kuala Lipis ditangguhkan dalam tempoh Kementerian ini meneliti cadangan penambahbaikan projek ini.